



DATUK SERI DR.  
MAHATHIR

# Musa akan turut raikan tetamu PM MENGALAMATI RUMAH TERBUKA

**KUALA LUMPUR, Selasa.** —  
**SEMPENA** menyambut Hari Raya  
Idilfitri tahun 1402 Hijrah ini, beberapa  
pemimpin negara dan Menteri beragama  
Islam akan mengadakan rumah terbuka di  
kediaman masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir  
Mohamad, akan mengadakan rumah terbuka  
di kediaman beliau di No. 3, Jalan Tunku di sini  
pada Hari Raya pertama dan kedua.

Pada Hari Raya pertama, masa rumah terbuka  
ialah dari jam 10.30 pagi hingga 1 tengah hari dan 3  
petang hingga 6 petang. Pada Hari Raya kedua pula  
mulai jam 10.30 pagi hingga 1 petang dan 3 petang  
hingga 6 petang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam  
pula akan mengadakan rumah terbuka di Rumah  
Malaysia Jalan Ampang di sini pada Hari Raya  
pertama dan kedua.

Pada Hari Raya pertama, Datuk Musa akan  
menerima tetamu mulai jam 11 pagi hingga 1  
tengah hari dan 2.30 petang hingga 6 petang. Pada  
Hari Raya kedua mulai jam 10 pagi hingga 1 tengah  
hari dan 2.30 petang hingga 6 petang.

Sementara itu Menteri Perusahaan Awam, Datin  
Paduka Rafidah Aziz pula akan mengadakan rumah  
terbuka di kediamannya di No. 42, Jalan 16/6, Petaling  
Jaya pada Hari Raya pertama dan kedua jam 1.30  
tengah hari hingga 6 petang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul-  
lah Haji Ahmad Badawi akan mengadakan rumah  
terbuka di kediamannya di Jalan Perak, Kepala  
Batas, Seberang Perai pada Hari Raya pertama  
mulai dari selepas sembahyang Hari Raya hingga 6  
petang.

## Pesakit

Di Kota Bharu, Menteri Kewangan Tengku  
Razaleigh Hamzah akan mengadakan rumah  
terbuka di kediamannya di Palm Manor mulai jam 10  
pagi pada Hari Raya pertama.

Pada Hari Raya kedua, beliau akan mengadakan  
rumah terbuka di No. 20 Jalan Pinang, Kuala Lumpur  
mulai 12 tengah hari hingga 7 malam.

Sementara itu Timbalan Menteri Perdagangan  
dan Perindustrian, Datuk Ebrahim Abdul Samad, akan  
mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Lot  
Petaling Jaya dari pukul 11 pagi hingga 5 petang  
Sabtu ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk  
Haji Zakaria, Haji Abdul Rahman pula akan  
mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Lot  
No. PT 1154, Jalan Batu Tumbuh, Alor Lintang, Besut,  
Terengganu pada Hari Raya pertama mulai selepas  
sembahyang sunat Hari Raya.

Seterusnya beliau akan melawat pesakit-pesakit di  
Hospital Daerah Besut dan menyampaikan hadiah  
kub pada Hari Raya kedua jam 3 petang.

Di Seremban, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Menteri Besar, Encik Mohammad Isa Datuk  
Abdul Samad akan mengadakan rumah terbuka  
di kediaman masing-masing pada Hari Raya pertama.

Yang Dipertuan Besar berkenan mengadakan rumah  
terbuka di Istana Besar Seri Menanti mulai  
pukul 10 pagi hingga 1 untuk semua lapisan rakyat  
dan pukul 4.30 hingga 6 petang untuk wakil-wakil  
rakyat, ketua-ketua jabatan dan para kenamaan.

Menteri Besar pula akan mengadakan rumah  
terbuka di kediamannya di Taman Tasik di sini mulai  
pukul 10 pagi hingga 2.30 petang.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Yang  
Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Datuk Dr. Haji  
Awang Hassan dan Toh Puan Datin Hajah Khadijah  
Dato' Abdul Rahman akan mengadakan "rumah  
terbuka" di residential sempena Hari Raya Idilfitri ini.

No. Siri ..... 2909  
No. Penerimaan ..... 654/RS